

Tindakan DAP tidak demokratik
Utusan Online
18 Mei, 2012
Oleh NAZMIL NASIRUDDIN

PUTRAJAYA 17 Mei - Tindakan DAP cuba merasuah bekas Naib Pengerusinya, Tunku Abdul Aziz Tunku Ibrahim supaya menutup mulut dalam isu peletakan jawatan beliau menunjukkan parti tersebut sebenarnya tidak demokratik.

Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Mohd. Shafie Apdal berkata, tindakan itu juga mencerminkan sikap pembangkang yang sanggup menggunakan apa juga kaedah untuk menghalalkan perbuatan mereka.

Sehubungan itu, katanya, rakyat perlu melihat sendiri tindakan parti itu yang tidak melanjutkan tempoh keanggotaan Dewan Negara yang disandang Tunku Abdul Aziz disebabkan mempunyai pandangan berbeza mengenai penganjuran Bersih 3.0

"Di sini dapat kita lihat sikap sebenar pihak pembangkang yang menganggap diri mereka sebagai pejuang demokrasi untuk memberi kebebasan kepada rakyat untuk bersuara.

"Apabila terdapat pihak yang mempunyai pandangan berbeza dalam kalangan mereka, dia akan dipecat termasuklah apa yang berlaku kepada bekas Pesuruhjaya Pas Selangor, Datuk Dr. Hasan Ali yang memperjuangkan akidah umat Islam," katanya yang juga Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah selepas merasmikan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) kementeriannya bagi tahun lepas di sini hari ini. Turut hadir Timbalannya, Datuk Hasan Malek, Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Ibrahim Muhamad dan Setiausaha Bahagian Kanan (Khidmat Pengurusan) kementerian, Zaniah Ahmad.

Mohd. Shafie mengulas pendedahan Tunku Abdul Aziz bahawa DAP Pulau Pinang cuba menutup mulut beliau dengan menjanjikan RM50,000 dan jawatan Fello Kanan di Institut Penang.

Dalam perkembangan lain, Mohd. Shafie turut menyelar tindakan tidak bertanggungjawab segelintir rakyat negara ini yang membuat kacau pada majlis Sepetang Bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak di London sambil menyifatkan ia bukan budaya masyarakat Malaysia.

"Saya kesal dengan tindakan yang sepatutnya tidak perlu diterapkan di kalangan rakyat negara ini, jika tidak berpuas hati banyak saluran yang boleh digunakan untuk menyuarakannya," katanya.

"Kita ada saluran Parlimen, Dewan Undangan Negeri (DUN) malahan ada kaedah media sosial seperti Facebook dan Twitter untuk melontarkan pandangan," ujarinya.

Sementara itu merujuk kepada sasaran Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) khusus dalam usaha meningkatkan infrastruktur luar bandar, Mohd Shafie berkata, sehingga kini 27,000 isi rumah di luar bandar mendapat manfaat bekalan elektrik dan 79,000 isi rumah menerima menikmati bekalan air bersih.

Pada majlis itu, seramai 231 warga Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menerima sijil Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2011 daripada Mohd Shafie.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0518&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_04.htm